

# MIC tidak mahu pemilihan dipolitikkan

BH 11 NOV 2000

KUALA KANGSAR, Jumaat - MIC berharap penentuan calon Barisan Nasional (BN) untuk bertanding pilihan raya kecil bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas di Kedah tidak dipolitikkan mana-mana pihak.

Sehubungan itu, Naib Presidennya, Datuk G Palanivel meminta semua pihak supaya tidak membuat sebarang spekulasi mengenai calon BN bagi kawasan itu.

"Keputusan terakhir terletak di tangan pucuk pimpinan BN. Kita ada formula dan peraturan yang perlu dipatuhi dalam menentukan calon," katanya selepas merasmikan penutupan kursus Penyediaan Tanah Liat Dalam Industri Pengeluaran Tembikar di Pusat Latihan Kraftangan di Enggor, dekat sini hari

ini. Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Menteri Besar Kedah yang juga Pengerusi Perhubungan BN negeri itu, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Selasa lalu, bahawa tidak ada jaminan calon MIC akan bertanding mewakili BN di Lunas, walaupun ia adalah kerusi tradisional parti itu.

Kerusi DUN Lunas kosong berikutan kematian Dr Joe Fernandez yang ditembak dalam satu kejadian di Bukit Mertajam, Sabtu lalu.

Menurut Palanivel, MIC mempunyai kerusi tradisional sendiri dan tidak sepatutnya timbul isu politik terutama membatik pilihan raya kecil, melainkan pilihan raya umum yang mungkin ada perubahan kerusi.

Presiden MIC, Datuk Seri Samy Vellu yang baru pulang dari lawatannya ke luar negara dijangka mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menentukan calon yang sesuai.

Sementara itu, Palanivel yang juga Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Luar Bandar membidas kenyataan wakil pembangkang di Parlimen yang mendakwa masyarakat India tidak mendapat manfaat daripada Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Menurutnya, wakil parti pembangkang terbabit sepatutnya membantu mengenal pasti mereka yang mungkin tercicir daripada menerima sebarang bantuan dan bukannya membuat tuduhan

melalu mengikut selera politik mereka.

Dakwaan itu dibuat oleh Chow Kon Yeow (DAP-Tanjong) dan Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi (Pas-Kuala Terengganu).

Dakwaan itu turut dibidas Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noh Omar yang mendedahkan bahawa pendapatan perkapita masyarakat India meningkat dengan banyak sejak beberapa tahun lalu.

Sebagai bukti, pendapatan perkapita masyarakat India pada 1970 ialah RM304, 1990 (RM1,209) dan meningkat kepada RM2,301 tahun lalu, selain kadar kemiskinan kaum India menurun daripada 39.2 peratus pada 1970 kepada 1.9 peratus tahun lalu.